

02/09/1998

Kedutaan Bangladesh keluar 120 permit

KUALA LUMPUR, Selasa - Kedutaan Bangladesh hari ini mengeluarkan 120 permit perjalanan pulang kepada rakyatnya yang pulang ke tanah air mengikut program pengampunan selama dua bulan yang diumumkan sempena sambutan Hari Kemerdekaan semalam.

Kounselor Bahagian Pekerja Asingnya, Mosharraf Hossain, berkata kedutaan itu menjangka jumlah permohonan akan meningkat dalam tempoh seminggu ini kerana kebanyakan rakyat negara itu yang bekerja di sini tidak dapat berbuat demikian disebabkan cuti am semalam.

Menurutnya, sebahagian daripada mereka yang memohon mempunyai dokumen dan permit kerja yang sah daripada pelbagai sektor pekerjaan.

"Mereka yang memohon hari ini sudah memiliki tiket penerbangan pulang dan kedutaan hanya membantu mengeluarkan permit perjalanan pulang dalam tempoh yang diberikan Kerajaan Malaysia," katanya.

Beliau tidak dapat menjangka jumlah sebenar warga Bangladesh yang mahu pulang.

Program pengampunan itu yang bermula 31 Ogos hingga 31 Oktober ini diumumkan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, Jumaat lalu.

Menurut Tajol Rosli, selaku Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuat keputusan itu atas perakuan Jabatan Imigresen dan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-41.

Tajol berkata, pendatang tanpa izin yang menerima tawaran pengampunan mesti menguruskan dokumen perjalanan masing-masing dan kedutaan terbabit hendaklah memberi kerjasama mengeluarkan dokumen perjalanan kepada warga mereka.

(END)